

PENYEDIAAN PROSEDUR KESELAMATAN PELAJAR UMT UNTUK AKTIVITI LUAR KAMPUS

PENDAHULUAN

Keselamatan semasa melakukan aktiviti sukan dan rekreasi amat penting. Risiko kecederaan adalah tinggi berbanding melakukan aktiviti-aktiviti lain di luar kampus. Prosedur keselamatan perlu dipatuhi bagi memastikan kemalangan tidak berlaku dan kecederaan dapat diminimakan sebaiknya.

1. PENGENALAN KESELAMATAN DALAM SUKAN DAN REKREASI / AKTIVITI LUAR (AIR/UDARA/LAUT)

1.1 KOMPONEN UTAMA

1.1.1 Darat

- a) Kejohanan sukan
- b) Berkhemah
- c) Mendaki
- d) Mengembara

1.1.2 Air

- a) Berkayak
- b) Scuba
- c) Snorkeling
- d) Berakit
- e) Rowing

1.1.3 Udara

- a) Payung terjun
- b) Belon panas

1.2 Risiko

- a) Mengenalpasti tahap risiko bagi setiap aktiviti adalah perkara utama sebelum merancang dan melaksanakan aktiviti tersebut.
- b) Bagi acara sukan yang berisiko tinggi seperti ragbi, sukan air, sukan bela diri (taekwondo, silat, karate dll), pertandingan tidak akan dijalankan sebelum ketibaan pasukan perubatan.
- c) Aras Risiko :
 - 1.3.1 Risiko Tinggi – kemalangan yang boleh membawa maut dan kecacatan anggota badan.
 - 1.3.2 Risiko Sederhana – kemalangan yang boleh mengganggu fungsi sebahagian anggota tubuh
 - 1.3.3 Risiko Rendah – kemalangan yang membawa kepada kecederaan kecil dan mudah sembuh.

**2. LANGKAH KESELAMATAN DALAM SUKAN DAN REKREASI / AKTIVITI LUAR
(AIR/UDARA/LAUT)**

2.1 Pemilihan Tempat Aktiviti Yang Sesuai

- Jauh dari risiko kemalangan (jalanraya/sungai/tempat binatang buas/padang dan gelanggang yang selamat untuk digunakan)

2.2 Pakaian Yang Dibenarkan/Sesuai

- Pemilihan pakaian semasa berekreasi atau bersukan adalah penting bagi mengelak berlakunya kemalangan diri sendiri dan orang lain
- Pakaian sukan/berkasut/ bukan pakaian pejabat/bukan jeans
- Pemilihan pakaian mengikut jenis aktiviti yang akan dilakukan

2.3 Pegawai Pemantau/Pengiring

- Setiap aktiviti yang dilakukan mesti dipantau atau diiringi oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab dalam hal tersebut sepanjang program berlangsung.
- Aktiviti tidak akan dimulakan/dijalankan selagi tiada pegawai yang membenarkan ada di tempat aktiviti tersebut.
- Pegawai mestilah seorang yang berpengetahuan dalam bidang aktiviti tersebut bagi membantu menyelesaikan masalah yang timbul dimasa akan datang.

2.4 Perubatan

- Setiap aktiviti yang akan dijalankan mesti menyediakan peti kecemasan/pegawai perubatan.

2.5 Surat Kebenaran

- Sekiranya aktiviti yang melibatkan keselamatan di dalam hutan/air/diluar kawasan/daerah, surat kebenaran atau makluman kepada jabatan berkenaan mesti dihantar sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum aktiviti dijalankan.
- Pegawai bertanggungjawab perlu membawa bersama surat tersebut semasa aktiviti berlangsung.

2.6 Laporan Kemalangan

- Laporan kemalangan hendaklah disediakan jika berlaku kemalangan semasa program.